

PENGHAYATAN ISLAM DAN NILAI MURNI DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Oleh

Rasid Muhamad

ABSTRAK

Pendidikan adalah wahana penting dalam menjana generasi yang berkualiti. Dalam proses tersebut, persoalan agama dan nilai dilihat sebagai satu unsur yang perlu diberikan perhatian. Dengan cara itu, diyakini hasrat untuk melahirkan generasi yang berilmu, dan berkemahiran di dalam ketahanan dalam akan tercapai. Tulisan ini ingin menyorot persoalan tersebut dengan lebih mendalam lagi.

1.0 MUKADDIMAH

Pendidikan merupakan wadah yang amat berpengaruh dalam pembentukan individu dalam sesebuah negara. Berkualiti atau tidaknya warga negara dalam sesebuah negara itu amat bergantung kepada kualiti pendidikan yang diamalkan di samping tidak dinafikan pengaruh dari angkubah-angkubah yang lain. Yang paling mencabar ialah, sejauh manakah sistem pendidikan dapat membentuk 'insan' pada hakikat yang sebenarnya? Inilah di antara persoalan yang akan digarap melalui penulisan ringkas ini.

2.0 PERSOALAN NILAI DALAM KEHIDUPAN

Di zaman yang canggih dan rencam kini, tidak ramai insan yang membincangkan secara serius persoalan nilai. Malah dalam banyak keadaan persoalan nilai sebegini sering dipinggirkan, dan dianggap bukan suatu yang dasar dan utama. Lantaran pengabaian terhadap persoalan nilai ini manusia telah kehilangan nilai-nilai kemanusiaan. Manusia tidak dibentuk dan dilayan sebagai manusia tetapi mungkin robot atau haiwan yang dinafikan perasaan dan unsur kerohaniannya.

Ekoran dari fenomena ini, manusia kini khususnya manusia moden dilingkari dengan pelbagai masalah yang bersangkut persoalan individu dengan dirinya sendiri, individu dengan orang lain, individu dengan alam dan yang paling penting individu dengan penciptanya. Oleh itu, persoalan nilai ini perlu diletakkan ke tahapnya yang wajar yang melibatkan persoalan keinsanan dan fungsinya yang sebenar dalam kehidupan masyarakat.

3.0 PERSOALAN NILAI DALAM FPN DAN FITM

Jikalau kita telesuri secara halus, Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Falsafah Institut Teknologi MARA (FITM), telah memberikan satu penegasan terhadap persoalan nilai. FPN, misalnya sarat dengan persoalan nilai apabila ia diungkapkan sebagai;

"Suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan"

(Kementerian Pendidikan, 1990:6)

Begin juga dengan ITM yang mempunyai objektifnya yang tersendiri yang antaranya menyebutkan:

"Untuk melatih tenaga bumiputera profesional dan separa profesional yang berkualitar, berdikari, berilmu dan bertaqwa supaya boleh bersaing dalam dunia perdagangan, sains dan teknologi "

Berdasarkan FPN dan objektif ITM di atas; memperlihatkan bahawa soal nilai mendapat tempat dan kedudukan dari sudut 'falsafahnya', walaupun penterjemahannya dari aspek pengajaran dan pembelajaran masih boleh dipersoalkan. Di samping itu, jikalau diteliti terhadap Wawasan 2020, yang akhirnya menggesa kita memilih gagasan 'Melayu Baru' atau 'Warga Malaysia - baru', berdasarkan cetusan wawasan tersebut, masih memberikan ruang yang tidak sedikit terhadap persoalan nilai. Malah, tidak keterlaluan jikalau dikatakan berjaya atau tidaknya wawasan tersebut amat bergantung kepada berjaya atau tidaknya sistem pendidikan membina dan memupuk nilai-nilai positif terhadap generasi muda hari ini.

4.0 BEBERAPA HAMBATAN

Usaha pemupukan nilai positif atau dalam konteks Islam disebut 'akhlik Islamiyah' itu walaupun dari sudut falsafahnya, sudah nyata, namun, dalam realitinya masih boleh dipersoalkan. Ia masih berhadapan dengan pelbagai hambatan. Menurut Prof. Dr. Muhamad Kamal Hassan (1989), di antara hambatan tersebut termasuklah;

1. Ibu bapa dan keluarga yang tidak mementingkan akhlak kerana terlalu terpengaruh dengan kehidupan kebendaan.
2. Tidak ramai pemimpin atau negarawan yang boleh menjadi teladan tentang akhlak mulia.

3. Dasar pembangunan yang masih bersifat dualistik dan yang tidak menekankan kesepaduan pembangunan insan. Ini menyebabkan pertumbuhan ekonomi tidak dijawai oleh akhlak yang mulia.
4. Amalan ekonomi pasaran bebas yang menekankan pertumbuhan serta dasar yang terlalu memihak kepada modal dan golongan-golongan berada, mempengaruhi sikap dan perlakuan golongan terpelajar yang sebahagian besarnya terlalu mementingkan kelulusan akademik dan mengurangkan nilai-nilai akhlak yang mulia.
5. Wujudnya tekanan daripada golongan pimpinan di sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi supaya nilai-nilai agama dan akhlak terus terpisah daripada pendidikan profesional sehingga dasar penerapan nilai-nilai Islam tidak mendapat sambutan yang ikhlas. Di setengah-setengah institusi, sambutan itu bersifat 'lip-service' sahaja untuk tujuan 'survival' atau bergantung kepada siapa yang menjadi Menteri.
6. Dasar pendidikan yang berorientasikan 'kecemerlangan akademik' semata-mata yang beroperasi di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi melemahkan nilai-nilai kerohanian dan akhlak.
7. Sikap guru-guru dan pensyarah-pensyarah yang terpengaruh dan terbawa-bawa dengan kepentingan kebendaan dan persaingan keduniaan sehingga melemahkan peranan mereka sebagai pendidik yang sejati.
8. Alam sekitar yang mendorong ke arah kehidupan yang tidak menekankan akhlak yang mulia tetapi menunjukkan bahawa kejayaan dan kesenangan hidup banyak bergantung kepada faktor-faktor wang, pengaruh, status, kedudukan dalam parti, perlindungan politik, hubungan dengan golongan atasan dan pragmatisme.
9. Peranan budaya liberal dan media massa, cetak dan elektronik yang menonjolkan nilai-nilai kehidupan kebendaan, keseronokan hawa nafsu dan kebebasan individu yang melampaui batas kesusilaan.

Semua hambatan-hambatan di atas ini menunjukkan bahawa usaha untuk mewujudkan manusia yang berkualiti memerlukan kefahaman dan penghayatan yang bersungguh-sungguh, jika tidak, mungkin usaha tersebut tidak akan kesampaian.

5.0 NILAI ISLAM DAN NILAI MURNI

Sejakar dengan kedudukan Islam sebagai agama negara, di samping sifatnya juga mempunyai nilai-nilai universal atau sejagat, maka nilai-nilai Islam telah dijadikan nilai utama yang ingin diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di samping nilai-nilai murni yang lain. Menurut perspektif Islam, pendidikan itu merupakan satu proses pembinaan nilai-nilai positif dalam diri manusia. Hal itu terjelma dengan nyata, apabila Khurshid Ahmad (1974) menghuraikan tujuan utama pendidikan sebagai berikut:

"Untuk melengkapkan pelajar-pelajar dengan agama dan ideologi mereka, mereka harus diajar cara dan tujuan hidup, kedudukan manusia di dunia ini, ajaran-ajaran tauhid (Keesaan Allah), risalah (Kenabian), akhirat (hidup di hari kemudian) dan hubungan-hubungannya dengan kehidupan individu dan masyarakat, nilai-nilai akhlak dalam Islam, sifat dan isi kandungan kebudayaan Islam, dan kewajipan-kewajipan serta tugas-tugas seorang muslim. Pendidikan harus mengeluarkan manusia-manusia yang mempunyai pendirian dan keyakinan yang kukuh terhadap idealisme-idealisme Islam dalam kehidupan individu dan masyarakat. Ia harus membentuk dalam diri mereka satu 'pendekatan Islamiah' supaya mereka dapat mengukir jalan hidup mereka di bawah sinaran cahaya bimbingan dan petunjuk Islam.'

Apa yang jelasnya ialah, pendidikan dalam Islam bukan hanya merujuk kepada pemupukan dan kemahiran tetapi ia merujuk ke arah 'pembinaan peradaban' dalam erti kata yang luas yang meliputi sifat dan nilai-nilai unggul yang ingin dilahirkan oleh Islam.

Justeru itu, pendidikan harus menekankan perkara-perkara berikut (Abd. Halim Muhamadi, 1985);

1. Memahami penciptaan manusia dari perspektif Islam.
2. Memahami sumber ilmu dalam Islam.
3. Memahami martabat ilmu dalam Islam.
4. Pengisian ilmu menjurus kepada pembinaan tiga fakulti manusia iaitu, akal, ruh dan jasad.
5. Perkembangan ilmu mestilah berpaksikan Tauhid.

Oleh yang demikian, pendidikan agama dalam bentuk yang khusus perlu dipertahankan, di samping nilai-nilai keagamaan dan nilai murni itu sepatutnya dapat merentas seluruh kurikulum yang diajar. Kepentingan pendidikan 'agama' itu telah lama disedari oleh pemikir Islam antaranya Za'ba yang pernah menyatakan;

Pengajaran agama itu sangat-sangatlah mustahak adanya bagi memimpin bangsa manusia menjalani kehidupan yang betul di dunia ini. Kerana agamalah panduan yang berasal dari Tuhan sendiri bagi segala ehwal dan pekerjaan hidup yang bersangkutan dengan urusan baik dan jahat, betul dan tidak betul dan agamalah sebaik-baik suluhan untuk menerangi jalan kepada orang-orang yang dalam gelap.....

(Za'ba 1989:32-33)

Bagi membina masa depan yang gemilang, pandangan Prof. Dr. Hassan Langgulung (1991) perlu diteliti dan diamalkan oleh umat Islam, yang mengusulkan beberapa ciri utama, yang antaranya ialah;

1. Generasi muda haruslah dididik menyembah Allah, ikut perintah Nya, melaksanakan fardhu-fardhu ibadat dan berpegang teguh terhadap tuntutannya sepanjang hidup.
2. Generasi muda harus dididik dalam masyarakat yang sihat, memperakui prinsip persaudaraan, kerjasama, persamaan dan patisipasi yang teguh di atas hak dan kewajipan dalam rangka sistem jaminan sosial (*takaful ijtimai*) yang diakui oleh Islam.
3. Generasi muda harus dididik menggunakan akal, sebab akal merupakan unsur utama dalam berakidah. Penggunaan akal adalah dasar pokok bagi perintah menjalankan syariat dan memikul amanah, sebab perintah menjalankan syariat adalah berdasarkan kepada kebebasan dan ikhtiar dengan petunjuk akal dan hati nurani.
4. Generasi baru harus dididik bersikap tabah terhadap orang lain dan menjauhi sifat menyendiri dan tanpa kelebihan menonjolkan dirinya sebab tamadun Islam teguh di atas dialog yang membina dan prinsip memberi dan mengambil. Dengan itu, ia dapat menghadamkan pencapaian sains yang mekar pada tamadun-tamadun yang lain, malah menambahkan dan memperkayakannya sehingga ia mengeluarkan tamadun gemilang dan cemerlang dalam segala bidang ilmu dan pengetahuan.
5. Generasi baru harus dididik menggunakan pemikiran ilmiah dan penyelidikan-penyeledikan. Islam adalah agama yang terbuka dalam hal ini, tidak tertutup atau tidak memusuhi ilmu dari manapun sumbernya. Malah kaum muslimin lebih dahulu diajar menggunakan sebab

hanya orang-orang yang berilmulah yang takut kepada Allah

(Quran, 35:28)

Selain dari nilai Islam yang ingin diterapkan dalam pembelajaran dan pengajaran, nilai-nilai murni yang lain juga ingin diterapkan. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) terdapat 16 nilai utama yang ingin dikembangkan. Nilai-nilai itu ialah baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, semangat bermasyarakat (Kementerian Pendidikan, 1990)

Sesungguhnya nilai murni yang dinyatakan di atas itu adalah untuk mencapai objektif-objektif tertentu, antaranya;

1. Menanam kesedaran, kefahaman, keyakinan dan juga kesyukuran.
2. Menanamkan semangat cintakan nilai-nilai suci.

3. Menghormati kebaikan dan membenci keburukan.
4. Membentuk sikap positif yang berguna kepada agama, bangsa dan sewaktu menjalankan tugas serta tanggungjawab.
5. Menghapuskan sikap negatif dalam kehidupan dan juga sewaktu menjalankan tugas serta tanggungjawab.
6. Menjalankan amanah dengan dedikasi.
7. Melatih diri dengan disiplin.
8. Meningkatkan hasil produktiviti.
9. Berusaha untuk mencapai kecemerlangan.

6.0 KE ARAH PENGHAYATAN

Membina dan menerapkan nilai Islam dan nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah suatu yang mudah dan senang, tetapi suatu yang rumit dan melibatkan pelbagai unsur. Untuk itu perkara-perkara berikut perlu diambilkira:

1. Aspek nilai hendaklah dimasukkan ke dalam kurikulum, agar nilai-nilai yang positif dapat disuburkan, di samping mengenal pasti unsur-unsur negatif dan menghindarkannya.
2. Nilai-nilai positif tersebut hendaklah benar-benar dihayati, agar dengan itu menjadikannya mudah diterima oleh pihak pelajar.
3. Budaya ilmu hendaklah benar-benar dibudayakan dan pembudayaan itu perlulah berpaksi kepada fahaman tauhid dan falsafah yang betul.
4. Pengislaman ilmu hendaklah dilakukan agar dengan itu akan memudahkan penerapan nilai-nilai Islam dan murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
5. Budaya dan adab-adab Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah dihidupkan seperti memulakan kuliah dengan al-fatihah dan diakhiri dengan surah al-asr dengan menjelaskan kepentingan-kepentingannya.
6. Untuk mengukuhkan proses yang dibincangkan, program-program penghayatan keilmuan, khususnya perkaian disiplin pengajian dengan Islam hendaklah diperbanyak agar kefahaman dapat dibentuk.
7. Penerapan nilai ini bukan sangat bergantung kepada bahan yang diajar tetapi siapa yang mengajar. Justeru itu, peningkatan kefahaman dan penghayatan Islam kepada siapa yang mengajar adalah penting dan amat mendesak sekali.

7.0 PENGAKHIRAN

Persoalan nilai merupakan persoalan besar. Institusi pendidikan adalah mekanisma untuk melahirkan individu yang berkualiti dalam pelbagai aspek. Sebagai pengakhiran elok kiranya kita renungi kenyataan berikut;

Kita mungkin telah berjaya menghasilkan ramai tenaga kerja yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu tetapi kontang nilai dan akhlaknya lantaran itu wujudlah apa yang dipanggil bajingan berpengetahuan (Knowledgeable barbarian) atau bajingan berkemahiran (skilled knowledgeable)

(Dato Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Nordin, 1991)

Dan kita tentu tidak mahu melahirkan graduan jenis itu! Wallahu A'lam.

RUJUKAN

Al-Quran dan Terjemahannya

Hassan Langgulung (Prof. Dr.), 1990, *Menghadapi abad Kedua Puluh Satu*. Bangi, UKM

Khursid Ahmad. 1974. *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur, ABIM.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 1990. *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur, DBP.

Wan Mohd Zahid Wan Mohd Nordin (Dato' Dr.). 1991. *Ucaputama Arah Aliran Pendidikan dalam Seminar Pendidikan Tingi Sains di Abad 21*.

Reformasi Dalam Pendidikan. 1991. Institut Aminuddin Bakri, Sri Layang, 10- 13 November.

Za'ba. 1989. *Mencapai Keluhuran Budii*, Kuala Lumpur, DBP.